

25/09/2002

BN Sabah serah pada Dr M tentukan calon

KOTA KINABALU, Selasa - Barisan Nasional (BN) Sabah menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memutuskan calon dan parti mewakili BN dalam pilihan raya kecil Parlimen Gaya, 12 Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata perkara itu akan dibincangkan bersama Dr Mahathir selaku Pengerusi BN Pusat sekembalinya beliau dari lawatan luar negara kelak.

Ketika ditanya pemberita pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas BN Sabah di Hotel Magellan Sutera di sini hari ini, beliau berkata, soal calon dan parti mewakili BN di kawasan Gaya tidak dibincangkan.

"Perkara ini akan kita kemukakan kepada Perdana Menteri sekembalinya beliau dari lawatan di luar negara...seterusnya menentukan siapa calon untuk bertanding (mewakili BN)," katanya.

Penamaan calon pilihan raya kecil Parlimen Gaya akan diadakan di Dewan Maksak, Likas, pada 3 Oktober ini, manakala pengundian pada 12 Oktober.

Kerusi itu kosong selepas penyandangannya, Datuk Yong Teck Lee, hilang kelayakan berikutan keputusan mahkamah yang mendapati beliau bersalah melakukan rasuah mengikut Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Parlimen Gaya - meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas dan Inanam - mempunyai 49,426 pemilih berdaftar, termasuk 73 pengundi pos.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN Pusat berkata, semua parti komponen BN Sabah komited dan bersetuju memberi sokongan kepada calon yang mewakili BN pada pilihan raya kecil itu.

"Semua parti komponen yang hadir bersetuju membantu menyokong calon BN itu nanti...semua bermuafakat dan bersetuju menyokong siapa juga yang ditetapkan mewakili BN," katanya.

Sambil menegaskan BN sedang membuat persiapan rapi, beliau berkata sehingga kini BN tidak menghadapi sebarang masalah mempertahankannya.

"Kita yakin dengan kekuatan yang ada pada kita waktu ini dan dengan muafakat yang ditunjukkan, Insya-Allah kemenangan ini akan menjadi satu kemenangan besar dan bersejarah bagi kawasan ini," katanya.

Mengenai mesyuarat khas dengan Badan Perhubungan Umno Sabah yang dihadapinya sebelum itu di hotel yang sama, Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, Umno Sabah menyatakan persetujuan untuk mengambil peranan aktif dalam pilihan raya kecil Gaya ini.

Berikutan itu, katanya, Umno akan menggunakan struktur yang diputuskan dan digunakan sebelum ini, iaitu dengan membahagikan pekerjanya mengikut kawasan mengundi sebagaimana dilakukan ketika pilihan raya kecil DUN Likas pada Julai tahun lalu.

Selain itu, katanya, Badan Perhubungan Umno dari negeri-negeri lain juga akan turut dijemput bagi membantu kempen BN kelak, manakala Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno sudah pun mula bergerak.

Dalam pada itu, beliau berkata, Umno akan memastikan daftar pemilih yang digunakan dalam pilihan raya kali ini seragam dengan yang digunakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mengelak kekeliruan.

"Kita harap SPR memaklumkan kepada kita secepat mungkin daftar pemilih yang akan dipakai nanti untuk menentukan pengundi yang disenaraikan dapat menunaikan tanggungjawab mereka.

"Ini soal penting kerana berlaku (sebelum ini) ada orang yang diberi slip mengundi yang namanya sudah ada dalam daftar pemilih dan disemak memang sah pengundi, tetapi apabila pergi ke tempat mengundi, dia dimaklumkan pula oleh pegawai SPR namanya tiada dalam daftar pemilih

mereka," katanya.

Sambil menegaskan masalah sedemikian tidak sepatutnya berlaku, Abdullah berharap keadaan seperti itu tidak berulang pada masa depan, khususnya dalam pilihan raya kecil Parlimen Gaya ini.